

# Rasional di sebalik VSS

Adakah VSS cara terbaik untuk menyelesaikan isu pekerja-pekerja bermasalah atau sekadar mengundang ketidakadilan?

**C**ADANGAN Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan supaya Skim Pemisahan Sukarela (VSS) diperkenalkan bagi melepaskan kakitangan awam bermasalah diragui oleh pelbagai pihak.

Kesatuan sekerja dan kakitangan awam berpendapat sekiranya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) memperkenalkan VSS, ia akan mengundang pelbagai masalah baru kepada lebih sejuta kakitangan awam.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Omar Osman berkata, pada dasarnya Cuepacs menolak cadangan memperkenalkan VSS sebagaimana yang dilakukan kepada kakitangan swasta.

Tetapi Cuepacs sedia berunding dengan kerajaan tentang hal ini.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Syed Shahir Syed Mohamud pula berkata, pada umumnya MTUC tidak bersetuju dengan VSS kecuali dalam keadaan yang betul-betul sah atau dapat dipastikan tiada pilihan lain yang lebih baik.

Katanya, VSS bukan cara terbaik untuk menyelesaikan isu pekerja-pekerja bermasalah baik dalam sektor awam mahupun swasta kerana ia akan mengundang ketidakadilan.

Apa yang dimaksudkan Mohd Sidek bukanlah menerima sepenuhnya skim VSS seperti yang diamalkan oleh sektor swasta tetapi lebih kepada meminjam konsep skim itu dalam menangani pekerja bermasalah.

Konsep itu akan dikaji dan diperhalusi dahulu keberkesannya dalam sektor perkhidmatan awam.

Umum sedia maklum, VSS dalam sektor swasta sinonim dengan pengurangan bilangan pekerja. Ia adalah kaedah yang menjadi pilihan majikan sektor swasta untuk mengurangkan pekerja terutamanya ketika kedudukan ekonomi tidak mengizinkan.

VSS juga dilaksanakan apabila syarikat bergabung atau diambil alih oleh kumpulan yang lebih besar bagi mengelakkan pertindihan pekerja.

Lazimnya pemberhentian pekerja atau VSS adalah jalan mudah bagi kebanyakan syarikat untuk keluar daripada masalah kewangan.

Ada juga yang mempraktikkannya apabila menjangka masalah dalam waktu terdekat, atau prestasi syarikat merosot, pertukaran dalam hak milik syarikat, penjenamaan semula, penyumberan luar atau pengenalan teknologi baru.

Jadi, tidak hairanlah kenapa skim ini seringkali disalahgunakan.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Shamsudin Bardan berpendapat, jika pihak SPA tetap mahu melaksanakan skim berkenaan sebagai cara mengatasi pekerja bermasalah, ia perlu kajian yang lebih teliti terlebih dahulu.

"Jika kita lihat di pihak swasta, VSS ditawarkan kepada mereka yang menerimanya secara sukarela. Sektor swasta melaksanakan VSS sebagai jalan



SKIM VSS berkesan di pihak swasta kerana dilakukan secara sukarela dan individu yang ditawarkan skim berkenaan mempunyai pilihan untuk menolaknya. – Gambar hiasan

penyelesaian kepada situasi tertentu.

Perkataan VSS untuk pekerja bermasalah tentunya akan memberi tanggapan buruk ataupun stigma terhadap mereka yang memilih VSS.

Tambahan pula, jika dibandingkan dengan pihak swasta, mereka yang mengambil VSS bukan semuanya bermasalah.

Pekerja swasta dinilai berdasarkan prestasi, jadi mengapa pihak majikan perlu membayar untuk melepaskan mereka, tanya beliau.

"Kenyataan VSS untuk pekerja bermasalah ini akan menimbulkan masalah lain pula kepada pekerja yang dihindarkan melalui skim itu. Mereka daripada sektor awam yang dikenakan VSS akan dicap sebagai bermasalah. Ini mungkin menyukarkan mereka apabila cuba memasuki sektor swasta atau berhadapan dengan majikan baru," ulasnya.

Shamsudin menyifatkan skim VSS berkesan di pihak swasta kerana dilakukan secara sukarela dan individu yang ditawarkan skim berkenaan mempunyai pilihan untuk menolaknya.

Apabila kakitangan menolaknya, pihak majikan perlu mencari jalan penyelesaian lain misalnya dengan melatih semula pekerja berkenaan.

"Sebabnya, ramai sudah tahu tujuan sebenar VSS. Jika hendak teruskan dengan VSS sebagai contoh, saya mencadangkan sektor awam gunakan perkataan atau skim lain yang memberi

faedah kepada kedua-dua pihak.

Contohnya seperti Skim Persaraan Awal yang memberi pilihan kepada kakitangannya.

"Sekiranya individu itu sudah lama berkhidmat, mereka diberi pampasan kerja misalnya faedah penamatan kerja dan dilaksanakan mengikut undang-undang seperti yang terdapat di dalam Akta Kerja," cadang beliau.

Sementara itu, Perunding Motivasi Marzuki Mohamed berpendapat, walaupun telah banyak yang diperkatakan tentang VSS yang dicadangkan kepada kakitangan awam, pelaksanaannya perlu dilihat sebagai satu peluang untuk memperbaiki diri.

Beliau yang juga Ketua Eksekutif Power Learning Forum Sdn Bhd, menekankan dua perkara yang perlu dipertimbangkan oleh kedua-dua pihak sebelum sistem berkenaan dilaksanakan.

Pertama, VSS bukan sekadar untuk mengeluarkan kakitangan bermasalah. Tetapi juga untuk kakitangan yang kecekapan mereka tidak lagi diperlukan oleh organisasi. Kemungkinan kecekapan yang berlebihan di dalam organisasi juga ditawarkan VSS walaupun mereka ini bukannya daripada golongan bermasalah.

Kedua, dari segi pelaksanaannya, persoalan yang mungkin timbul mengenai 'kakitangan bermasalah' ialah sama ada kakitangan berkenaan bermasalah untuk memberi perkhidmatan yang baik ataupun

'bermasalah' dengan ketuanya?

"Dengan itu, mesti ada kriteria yang objektif untuk menentukan takrifan bagi kakitangan bermasalah dan ketelusan dalam proses pemilihan," ujar Marzuki.

Bagi kakitangan awam yang 'terasa' diri mereka bakal ditawarkan VSS, mereka perlu bersedia dengan situasi itu.

Pertama, menerima dan menganggapnya sebagai satu langkah untuk memperbaiki diri.

Kedua, mereka perlu membuat keputusan mengenai apa yang ingin dilakukan sama ada bekerja, memulakan perniagaan atau bersara. Sekiranya ingin bekerja kembali, buatlah keputusan tentang jenis pekerjaan yang ingin dilakukan.

Ketiga, mereka perlu menganalisa kembali kecekapan yang ada daripada aspek ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap diri kerana ini akan menentukan jenis perkhidmatan yang boleh ditawarkan kepada bakal majikan nanti.

Keempat, mereka perlu mengenal pasti kekurangan atau jurang kecekapan di antara yang sedia ada dengan yang diperlukan oleh pekerjaan baru yang diinginkan serta melengkapkan diri dengannya.

Marzuki turut menyimpulkan bahawa penerima VSS bukan sekadar dapat memberikan suasana pekerjaan baru tetapi juga sebagai peluang buat mereka untuk berubah menjadi lebih baik.

– Bernama